

## Isu Dan Penyelesaian Harta Al-Mafqud: Satu Pemerhatian

### *Issues and Solution to Al- Mafqud property: An Observation*

Wan Zahari Wan Yusoff<sup>a</sup>, Muhammad Azwan Sulaiman<sup>b</sup>, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari<sup>c\*</sup>

<sup>a</sup>*Pusat Endowmen dan Wakaf, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

<sup>b</sup>*Jabatan Pengurusan Hartanah, Universiti Teknologi MARA*

<sup>c</sup>*Pusat Pengajian Ilmu dan Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

\*Corresponding author: zahari@uthm.cedu.my

---

#### Article history

Received: 2019-01-06    Received in revised form: 2019-03-21    Accepted: 2019-07-07    Published online: 2019-10-07

#### Abstract

*Al-mafqud* property means the property of a lost person who can not be ascertained status either alive or dead. The question of *al-mafqud* property has a great implication on the ownership of the property as the property is frozen as a result of being unable to identify the status of its owner and the benefits resulting from this property are also frozen and barred from being enjoyed by its heirs. This situation has led to many problems that are so critical and extremely difficult to solve and harm the society and the nation as a whole. According to the Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) and Amanah Raya Berhad, the value of this *al-mafqud* property reaches 10 billion. Thus, the efforts of the authoritative party should be taken seriously to find a solution to this *al-mafqud* property. One potential solution is to use a waqf instrument. However, some sharia and civil laws need to be scrutinized and need to be strengthened to assist in the settlement of *al-mafqud* property. This paper will discuss the potential and challenges of settlement of *al-mafqud* property through a wakaf instrument. The concept of waqf property whose owner is Allah swt can be the basis for the property of *al-mafqud* where the property can not be identified with its owner's status then it shall return to Allah swt after a certain legal process and managed by the Trustee, *Mutawalli* or *Nazir* who are appointed to benefit the whole society.

*Keywords:* Lost property, Waqf instrumen.

#### Abstrak

Harta Al-mafqud bermaksud harta orang hilang yang tidak dapat dipastikan status sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia. Persoalan harta al-mafqud ini memberi implikasi yang besar kepada pemilikan harta kerana harta ini dibekukan akibat daripada tidak dapat mengenal pasti status pemilikinya dan manfaat yang terhasil daripada harta ini juga turut dibekukan dan terhalang daripada dinikmati oleh ahli warisnya. Situasi ini telah menimbulkan pelbagai masalah yang begitu kritikal dan amat sukar diselesaikan dan merugikan masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Menurut Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Amanah Raya Berhad, nilai harta al-mafqud ini mencecah puluhan billion ringgit. Dengan demikian usaha-usaha pihak yang berautoriti hendaklah dilaksanakan secara serius bagi mencari jalan penyelesaian ke atas harta al-mafqud yang dibekukan ini. Satu potensi jalan penyelesaiannya adalah dengan menggunakan instrumen wakaf. Bagaimanapun beberapa perundangan syariah dan sivil perlu diteliti dan perlu diperkasakan bagi membantu ke arah penyelesaian harta al-mafqud. Kertas ini akan membincangkan potensi dan cabaran penyelesaian harta al-mafqud menerusi instrumen wakaf. Konsep harta wakaf yang mana pemilikinya adalah Allah swt boleh menjadi asas kepada penyelesaian harta al-mafqud di mana apabila harta berkenaan tidak dapat dikenal pasti status pemilikinya maka ia hendaklah kembali kepada Allah swt selepas melalui proses perundangan tertentu dan diuruskan oleh Pemegang Amanah atau Mutawalli atau Nazir Khas yang dilantik bagi memberi manfaat kepada masyarakat seluruhnya.

*Kata Kunci:* Harta Al Mafqud, Instrumen Wakaf

## **1.0 LATAR BELAKANG**

Harta al-mafqud adalah harta orang hilang yang tidak dapat dipastikan status samada masih hidup atau telah meninggal dunia. Apabila status pemilik harta berkenaan tidak dapat diketahui maka segala hartanya tertahan dan tidak boleh dimanfaatkan oleh waris atau orang yang di bawah tanggungannya. Dalam erti kata lain harta tersebut dibekukan (mafqud) dan manfaatnya tidak boleh dinikmati oleh mana-mana pihak. Bilangan harta al mafqud ini semakin hari semakin meningkat dan kini telah mencecah puluhan billion ringgit. Harta al- mafqud ini dalam pelbagai bentuk termasuklah wang tunai, saham, tanah dan sebagainya. Harta ini terus dibekukan sehingga tempoh yang lama dan tidak dapat dipastikan bila masanya dapat diselesaikan. Waris yang sepatutnya menerima manfaat hasil peninggalan Al-mafqud tidak dapat berbuat demikian. Adalah menjadi satu kerugian yang besar apabila harta peninggalan al-mafqud yang bernilai itu tidak dapat dimanfaatkan oleh anak dan isterinya atau ummah serta Negara secara keseluruhannya. Kajian ini cuba mengeksplorasi permasalahan harta Al mafqud serta membincangkan potensi penyelesaian menggunakan instrument wakaf.

## **2.0 ISU HARTA AL MAFQUD DAN PERMASALAHANNYA**

Orang hilang atau dalam bahasa Arab disebut al-Mafqud. Perkataan Al-mafqud berasal daripada kata dasar **faqada** yang bermaksud tiada, hilang dan lenyap (Ibnu Al-Manzur, 1994). Al Mafqud sendiri bermaksud seseorang yang hilang daripada tempat asalnya. Para ulama telah berbeza pandangan dalam memberikan definisi Al-Mafqud berpunca daripada beberapa faktor antaranya latar belakang mazhab, situasi semasa, politik dan sebagainya.

Seseorang itu dianggap hilang apabila (Wahbah Az Zuhaily,1985) :

- 1) Terputus khabar berita,
- 2) Tidak dapat dikesan dimana berada,
- 3) Tidak diketahui samada hidup atau mati,
- 4) Telah dilakukan usaha pencarian yang bersungguh,
- 5) Berlalu tempoh yang dianggap hilang.

Menurut Mustafa (2005) dari sudut istilahnya al-Mafqud bererti orang yang hilang daripada tempat asalnya dalam tempoh yang lama sehingga terputus berita mengenainya dan tidak ada orang yang mengetahui mengenainya dan tidak diketahui juga samada masih hidup ataupun telah meninggal dunia.

Isu al-Mafqud ini harus diberi perhatian dan perlu dibincang secara mendalam bagi mencari jalan penyelesaian kerana ianya memberi implikasi yang besar bukan sahaja kepada bakal pewaris bahkan kepada sistem sosial dan ekonomi umat Islam.

Menurut Mustafa (2005), harta al-Mafqud tidak boleh dibahagikan dan tidak boleh dilakukan sebarang transaksi sepanjang tempoh kehilangan sehingga al-Mafqud tersebut pulang kembali, atau telah disahkan oleh mahkamah bahawa seseorang al-Mafqud itu telah dianggap meninggal dunia. Hal ini disebabkan hartanya tidak boleh dianggap harta pusaka disebabkan faktor ketidakpastian tentang status al-Mafqud, selaras dengan prinsip asas faraid, iaitu antara syarat bagi ahli waris menerima harta pusaka adalah kematian pemilik harta mesti jelas tanpa sebarang keraguan.

Ketidakpastian terhadap perkara ini menimbulkan masalah dalam perwarisan harta. Kesan utama daripada seseorang al-Mafqud adalah pembekuan harta miliknya atau bahagian pusaka yang layak diterima oleh si Mafqud. Tempoh masa pembekuan ini hanya berakhir apabila si-Mafqud sendiri datang menuntut atau si- Mafqud telah disahkan meninggal dunia. Situasi menjadi lebih rumit apabila tiada mana-mana pihak yang tahu latarbelakang keluarga Mafqud. Menurut sumber, lebih sejuta kes waris yang tidak dapat dikesan di Malaysia harta al-Mafqud yang gagal diselesaikan pewaris kerana tiada wasiat. Berita Metro Online bertarikh 17 Mei 2014, melaporkan bahawa nilai harta yang tidak dituntut terus meningkat sebanyak RM 66.6 bilion. Jumlah nilai sebesar ini yang dibekukan, jika dapat dicairkan sudah tentu memberi impak yang positif kepada masa depan pewaris dan umat Islam secara keseluruhannya.

Status kematian yang tidak jelas menimbulkan konflik yang besar terhadap perwarisan harta al-Mafqud. Harta al-Mafqud tidak dapat dituntut oleh para warisnya sehingga suatu kepastian tentang status kematian diputuskan oleh mahkamah. Dalam usaha penyelesaian isu harta al-Mafqud, satu deklarasi 'Anggapan Kematian' mestilah diperolehi terlebih dahulu daripada mahkamah. Bagaimanapun Malaysia mempunyai dua sistem perundangan berbeza iaitu Perundangan Sivil dan Perundangan Syariah. Sungguhpun Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa setiap perundangan tidak boleh menyentuh antara satu sama lain, namun daripada aspek pelaksanaan dan kefahaman masyarakat terhadapnya dilihat menjadi satu cabaran dalam usaha untuk menyelesaikan harta milik al-Mafqud.

Dalam sistem perundangan Syariah, deklarasi Anggapan Kematian hanya digunakan dalam proses pembubaran perkahwinan sama ada isteri menuntut pembubaran atau suami memohon untruk perkahwinan yang lain. Keputusan Hakim Mahkamah Syariah hanya mempengaruhi terhadap perceraian suami isteri dan tidak kepada isu perwarisan. Bagi maksud Pusaka, Sijil Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi (Sivil) diperlukan bersesuaian dengan Fasal 108 Akta Keterangan 1950 (semakan 1971). Bagaimanapun permasalahan harta tanah al-Mafqud yang dibekukan berlaku bukan disebabkan halangan perundangan semata-mata tetapi ia juga berpunca daripada pihak waris sendiri, kekeluargaan dan kepedulian masyarakat keseluruhannya. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana isu harta al-Mafqud amat sukar dirungkaikan.

Di samping itu, isu-isu undang-undang syariah dan sivil daripada aspek tempoh menunggu, kuasa-kuasa ahli waris terhadap harta tanah al-Mafqud dan isu masyarakat dan kekeluargaan telah menambah kesulitan dan dilihat menjadi tembok penghalang utama (Ibrahim Lembang, 2013).

Majlis Jawankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 99 yang bersidang pada 4 hingga 6 Mei 2012 membincangkan Pengurusan Wang dan Harta Milik Orang Islam yang tidak dituntut dan status Kementerian Kewangan sebagai Perbendaharaan Negara yang boleh bertindak sebagai Baitulmal dalam menguruskannya. Muzakarah telah membuat keputusan berikut:

*“Setelah mendengar taklimat dan penjelasan serta meneliti, keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa mengikut perundangan Islam, wang tidak dituntut perlu diberikan kepada Baitulmal sebagai salah satu sumber yang terletak di bawah kategori harta tidak bermusim (ghayr dawriyyah).”*

Justeru keputusan Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berkaitan pengurusan wang dan harta yang tidak dituntut milik umat Islam ini boleh menjadi asas dan membuka ruang kepada satu rangka kerja yang berkesan dalam penyelesaian isu harta tanah al-Mafqud tanpa

membelakangkan hukum syarak dan juga perundangan Negara.

Bagaimanapun sehingga kini belum ada rangka strategi dibentuk oleh pihak berwajib untuk menangani pembekuan harta al-Mafqud ini. Keperluan kerangka penyelesaian ini amat penting bagi memanfaatkan harta yang dibekukan ini. Harta al-Mafqud ini dilihat sebagai salah satu sumber khazanah ekonomi yang begitu besar yang berkait rapat dengan harta dan hak milik umat Islam yang sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya, kerana kelemahan ekonomi ummah turut menyumbang kepada kelemahan kuasa politik, kepimpinan, sosial, pendidikan, pertahanan dan sebagainya. Oleh yang demikian, kewujudan satu strategi penyelesaian pengurusan harta al-Mafqud secara berkesan di Malaysia amat penting dan menjadi nadi pencetus ke arah memastikan ekonomi dan kebajikan umat Islam terbela.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian tentang permasalahan al-Mafqud ini menggunakan pendekatan kualitatif dimana kaedah temubual secara bersemuka dijalankan ke atas responden. Kaedah Persampelan Bertujuan (Purposive Sampling) digunakan dalam pemilihan responden dimana pertimbangan diberikan dalam aspek kepakaran, keterlibatan, fungsi dan peranan serta waris kes-kes sebenar al-Mafqud dipilih dalam kajian untuk memastikan jawapan yang paling berautoriti dan tepat diperolehi. Responden kajian terdiri daripada 5 responden daripada agensi berkaitan iaitu Ketua Hakim Syariah Malaysia, Pengurusan Pejabat Pengarah Bahagian Pusaka, ibu Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Putrajaya, Pengurusan Mahkamah Sivil Persekutuan Kompleks Mahkamah, Kuala Lumpur, Amanah Raya Berhad dan Pegawai Pejabat Tanah dan Daerah Batu Pahat. Manakala Responden kajian 5 ahli waris Al-Mafqud adalah melibatkan lokasi dari negeri Kelantan, Melaka, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### **Perbincangan terhadap kajian terdahulu**

##### **3.1 Definisi al-Mafqud**

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke 4 (2012); ‘orang hilang’ membawa tiga makna.

- i- Tidak terlihat atau terdengar secara nyata;
- ii- Menghilang menyebabkan tidak nampak lagi, melenyapkan diri; dan
- iii- Dihilangkan dengan tidak dinyatakan sama ada masih hidup atau mati.

Mengikut Polis Diraja Malaysia- PDRM (2012), mendefinisikan orang hilang sebagai, mana-mana orang hilang dan tidak dapat dikesan atau tidak dapat diketahui dimana kedudukannya, tanpa mengira cara mana kehilangannya adalah dianggap sebagai orang hilang sehingga dikesan, dijumpai atau diketahui kedudukannya.

Sadek (2008) menegaskan seseorang akan dianggap mati apabila;

- i- Meninggal tanpa dapat dibuktikan dan rumahnya atau tempat tinggal biasanya untuk tempoh selama tujuh tahun.
- ii- Ketidakhadirannya di sesuatu tempat secara berterusan tanpa ada penjelasan.
- iii- Individu yang paling mungkin mengetahui seseorang itu tidak mengetahui tentang tentang orang tersebut atau telah putus hubungan untuk sekian lama.

- iv- Seseorang itu tidak dapat dipastikan setelah menggunakan berbagai cara yang memungkinkan seseorang hilang tersebut ditemukan kembali.

Al-Mafqud memiliki dua kemungkinan iaitu masih hidup atau telah meninggal dunia. Kedua-dua situasi ini mempunyai hukumnya sendiri, iaitu hukum berkaitan dengan nikah cerai dan hukum berkaitan dengan warisannya daripada orang lain. Warisan orang lain daripadanya, serta warisan bersama antara dia dengan ahli waris lainnya. Jika seseorang itu tidak dapat dikenal pasti statusnya samada hidup atau mati, maka akan ditentukan batas waktu yang tertentu untuk mencarinya dan ketentuan waktu tertentu tersebut diserahkan kepada keputusan hakim (Abu al-Abbas, 1985).

### **3.2 Tempoh Waktu Al-Mafqud**

Para fuqaha berselisih pendapat dalam menentukan waktu seseorang itu boleh dinyatakan mati secara mati hukmi (anggapan kematian). Toha (2005) memberikan pandangan mengenai waktu yang boleh dijadikan asas untuk menentukan al-Mafqud telah meninggal dunia adalah berdasarkan kepada pertimbangan hakim. Seseorang hilang dalam waktu yang sekian lama dan sudah tidak ada lagi orang yang seusia dengannya di daerahnya yang mungkin masih hidup, maka ia bolehlah dianggap telah meninggal dunia. Contohnya kehilangan si-Mafqud sudah mencapai tempoh dan usianya 100 atau 120 tahun, dan segala usaha pencarian telah dilakukan melalui berbagai cara namun masih menemui jalan buntu. Maka si-Mafqud boleh dianggap meninggal dunia.

Antara lain cara pembuktiannya adalah dengan melihat rakan-rakan seusianya atau satu generasi dengan al-Mafqud. Apabila rakan rakan sebaya atau satu generasi dengan al-Mafqud itu tidak ada lagi yang hidup, maka hakim dapat memutuskan bahawa al-Mafqud tersebut telah meninggal dunia.

Para ulama berbeza pendapat dalam menetapkan tempoh yang boleh menganggap seseorang itu telah meninggal dunia. Menurut Al-Shabuni (1996), penentuan tempoh itu berbeza mengikut Mazhab seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Tempoh meninggal Al-Mafqud mengikut mazhab

Mazhab Hanafi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penentuan berdasarkan rakan sebaya al-Mafqud tersebut</li><li>• Pada zaman beliau kebanyakan meninggal pada usia 120 tahun</li></ul>
Mazhab Maliki	<ul style="list-style-type: none"><li>• Al-Mafqud boleh dianggap meninggal dunia apabila usianya mencapai 70 hingga 80 tahun</li></ul>
Mazhab Shafie	<ul style="list-style-type: none"><li>• Umur Al-Mafqud melebihi 90 tahun</li><li>• Juga bergantung kepada keputusan Hakim</li></ul>
Mazhab Hambali	<ul style="list-style-type: none"><li>• Umur al-Mafqud melebihi 90 tahun</li><li>• Juga bergantung kepada keputusan Hakim</li></ul>

Sumber : Al-Shabuni (1996)

Bagi penentuan tempoh hilang seseorang al-Mafqud di Malaysia berbeza mengikut sistem perundangan Sivil dan Syariah. Akta Keterangan 1950, Seksyen 108 menetapkan tempoh menunggu bagi menganggap seseorang yang hilang meninggal dunia adalah selama tujuh (7) tahun. Tempoh ini juga sama seperti tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang British iaitu Akta Anggapan Kematian 2013 iaitu 7 tahun. Selepas tempoh ini, pihak waris atau pihak berkepentingan boleh memohon dengan Mahkamah Tinggi Sivil untuk mengeluarkan tempoh perintah Anggapan Kematian. Begitu juga dengan kebanyakan negara bekas jajahan British

seperti India, Kanada, Brunei, Afrika Selatan yang turut menetapkan tempoh selama 7 tahun. Manakala perundangan Syariah di Malaysia pula penentuan bagi Anggapan Kematian bergantung kepada enakmen perundangan keluarga Islam yang digubal di setiap negeri masing-masing. Majoriti Undang-Undang syariah Negeri menetapkan tempoh Anggapan Kematian adalah 4 tahun.

Di Indonesia, perkara sama juga berlaku iaitu perbezaan antara perundangan Sivil dan Syariah. Menurut perkara 18, Fasal 463, Perundangan Sivil menetapkan tempoh menunggu selama 5 tahun untuk mendapatkan perintah Anggapan Kematian Mahkamah. Sedangkan perundangan Syariah di Indonesia pula berasaskan kepada Ijma Ulama dan juga keputusan hakim. Ini bermakna tempoh tersebut berbeza dan bergantung kepada fakta setiap kes.

Manakala bagi proses siasatan pihak berkuasa seperti PDRM tiada tempoh khusus ditetapkan untuk orang hilang. Menurut PDRM, bagi orang yang hilang bagi tempoh yang lama, fail kes kehilangannya akan disemak setiap enam (6) bulan sekali dan failnya tidak akan ditutup selagi seseorang itu belum dapat dijumpai, dikesan walau dalam apa bentuk sekalipun.

### 3.3 Punca Berlaku Pembekuan Harta Mafqud

Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Muhammad Azwan Sulaiman & Wan Zahari Wan Yusoff (2017) punca berlakunya pembekuan harta tanah Al-Mafqud di Malaysia boleh dibahagikan kepada 4 punca utama. Rajah 1 menunjukkan punca berlakunya al-Mafqud

- Perundangan
- Struktur Agensi
- Sikap
- Kedudukan sosial



Rajah 1: Punca Berlakunya Al- Mafqud



### 3.3.1 Perundangan

Malaysia masih belum menggubal undang-undang bagi menguruskan harta orang hilang atau harta tidak dituntut. Ini menjadi penghalang utama untuk harta-harta al-mafqud untuk diselesaikan. Manakala pertembungan perundangan sivil dan syariah juga menyumbang kepada kesulitan ini.

Dua isu utama dalam perundangan adalah;

- Tiada peruntukkan perundangan untuk penyelesaian harta al-mafqud
- Perbezaan perundangan Syariah dan perundangan Sivil

### Konflik Perundangan

Kekeliruan masyarakat terutamanya pewaris tentang peranan dan sumbangan undang-undang sivil dan syariah adalah diakui. Menurut undang-undang syariah di Malaysia, al-Mafqud dianggap meninggal dunia selepas melepasi tempoh 4 tahun. Manakala undang-undang sivil menetapkan tempoh selama 7 tahun.

Menurut responden kajian yang merupakan waris al-Mafqud dalam Kajian Muhammad Azwan Sulaiman dan Wan Zahari Wan Yusoff (2017)

*“saya tidak tabu kepada pihak mana yang harus saya pergi, samada pihak kadi (syariah) atau jumpa peguam biasa (sivil). Ada orang kata perlu pergi jumpa kadi dulu, jadi saya keliru”*- Responden kajian

Beliau telah mendapat nasihat dan pandangan masyarakat dalam hal ini dalam usahanya untuk menyelesaikan harta al-Mafqud. Secara peribadi responden menyatakan apa yang ia faham bahawa Mahkamah Syariah mempunyai kedudukan yang lebih tinggi berbanding Mahkamah Sivil sekiranya berkaitan orang Islam.

Menurut responden KI – yang terdiri daripada Agensi kerajaan yang berkaitan;

*“kekeliruan sebegini sering berlaku sepanjang saya berkhidmat, sering berhadapan dalam situasi begini. Perkara ini tidak harus berlaku pada masyarakat.”*

Responden KI menegaskan kuasa Mahkamah Syariah sebenarnya hanya seperti undang-undang keluarga Islam sahaja. Mahkamah syariah tidak mempunyai kuasa sivil walaupun terhadap orang Islam. Beliau selanjutnya menegaskan isu kematian, perintah Anggapan Kematian, dan hal berkaitan harta tanah masih di bawah kuasa perundangan sivil.

Responden K2 dan K4 juga yang mewakili agensi kerajaan berkaitan menyatakan terdapat ahli waris yang datang untuk meneruskan urusan pusaka setelah mendapat perintah Anggapan Kematian daripada Mahkamah Syariah. Sedangkan bagi urusan harta pusaka, perintah Anggapan Kematian daripada mahkamah Sivil diperlukan dan sijil kematian yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), barulah isu harta pusaka dapat diuruskan. Menurutny lagi, tanpa perintah Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sivil, si Mafqud dianggap masih hidup dan beliau masih layak menerima harta pusaka daripada orang lain, dan hartanya tidak boleh dianggap harta pusaka. Responden K5 yang merupakan responden daripada Agensi Kerajaan terbabit menyatakan, pihaknya hanya menerima perintah Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi (Sivil) untuk membolehkan urusan penyelesaian sesuatu harta pusaka atau wang tunai yang diserahkan kepadanya.

Responden K3 daripada agensi kerajaan menjelaskan bahawa Seksyen 108 Akta Keterangan 1950 menyatakan tempoh 7 tahun diperlukan bagi seseorang yang hilang untuk dianggap sebagai mati oleh mahkamah. Bagaimanapun ia bukanlah diperolehi secara automatik setelah laporan kehilangan dibuat, bahkan ia harus dibawa ke mahkamah dan dibicarakan terlebih dahulu.

Perintah Anggapan Kematian diputuskan berdasarkan fakta kes, terdapat juga kes yang sudah melebihi 7 tahun dan dibawa ke mahkamah, bagaimanapun masih gagal mendapatkan perintah Anggapan Kematian. Ini disebabkan kekurangan fakta kes dan wujud banyak keraguan dalam permohonan. Di samping itu, pandangan dan keputusan hakim-hakim bicara turut memainkan peranan penting dalam mendapatkan keputusan untuk mendapatkan sijil Anggapan Kematian.

Dalam kes Responden 1, responden yang merupakan ahli waris al-Mafqud menjelaskan adiknya dilaporkan hilang ketika menuntut di Amerika Syarikat pada awal tahun 90an. Laporan telah dibuat kepada PDRM, Kementerian Luar, dan penajanya MARA. Namun maklumat yang diberikan adiknya gagal dikesan. Setelah mendapatkan nasihat dan pandangan, setelah tempoh 8 tahun berlalu keluarganya telah memohon satu perintah untuk adiknya dianggap meninggal dunia. Namun hakim bicara telah menolak permohonan itu dengan alasan berkemungkinan adiknya masih hidup adalah tinggi dan tidak mempunyai keperluan untuk dikeluarkan satu perintah kematian terhadap adiknya. Hakim turut menasihatkan agar pihaknya memfaikan semula kes ini jika adiknya masih tidak dapat dikesan selepas usianya mencecah 70 tahun.

### **Peruntukan Perundangan**

Berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada di Malaysia, sepanjang tempoh kehilangan al-Mafqud tidak ada sebarang peruntukan khas yang membenarkan harta tanah milik al-Mafqud tersebut dipindahmilik, dicagar, disewa, dan ditadbir. Keadaan ini menyukarkan para ahli waris dan pihak agensi kerajaan dalam menguruskan harta tanah al-mafqud. Bagaimanapun dalam kajian ini Responden K3 memberi sedikit perbezaan;


*“Sebenarnya boleh dilakukan dengan saman pemula walapun sukar. Ia bergantung kepada kes dan hakim yang mengendalikannya.”*

Responden K3 menjelaskan sekiranya wujud keperluan bagi kegunaan sesuatu harta tanah milik al-mafqud, pihak waris, atau mana-mana agensi boleh memohon perintah mahkamah untuk mengambil alih harta tanah al-Mafqud tersebut dengan memfailkan saman Pemula ke Mahkamah Tinggi Sivil. Responden 3 telah menjelaskan bahawa beliau pernah berhasrat untuk memajak tanah si-Mafqud untuk menjana pendapatan kepada ahli keluarga si-Mafqud. Namun pihak pemajak ingin mendaftarkan tanah yang dipajak kepada pejabat tanah kerana mahu memajak dengan tempoh yang lama tetapi tidak berjaya dilaksanakan dan akhirnya tanah tersebut terbiar tanpa diusahakan.

### **Kedudukan Sosial**

Kedudukan sosial merujuk kepada latarbelakang kemasyarakatan seperti pendidikan dan pengetahuan pihak terbabit dan kekuatan kewangan.





**Rajah 2:** Faktor Kedudukan sosial dalam Al-Mafqud

Rajah 2 menunjukkan hasil kajian mendapati isu pendidikan bukan hanya melibatkan pewaris bahkan agensi-agensi berkaitan termasuklah sebahagian pengamal undang-undang sendiri tidak begitu arif dengan aspek perundangan harta al-Mafqud. Sebagai contoh merujuk kepada Responden K3 merupakan pengamal undang-undang yang kemudiannya memasuki perkhidmatan kerajaan menyatakan kes saman pemula tentang pengambilalihan harta orang hilang adalah merupakan kes terpencil dan jarang sekali difailkan di Mahkamah Tinggi. Rekod menunjukkan hanya 50 kes sahaja setakat ini. Kebiasaannya kes sebegini tertumpu kepada sebilangan kecil peguam yang sama.

Responden KI yang merupakan Ketua Hakim Syarie, menyatakan pengamal undang-undang harus mempunyai kepekaan terhadap sesuatu masalah dan isu berbangkit.

### **Kakitangan dan Agensi**

Agensi kerajaan yang terbabit adalah biasa dengan isu-isu harta pesaka, sungguhpun semua kakitangan yang terlibat adalah terlatih dan berpengalaman namun disebabkan isu harta al-Mafqud adalah terpencil dan jarang kes dirujuk, maka ia menyebabkan kakitangan tidak biasa untuk menyelesaikan atau sekurang-kurangnya untuk memberi nasihat yang sewajarnya. Hal ini di akui oleh responden kajian K3, K4, K5 bahawa kakitangan di agensi berkenaan amat jarang mengendalikan dan berurusan dalam kes-kes sebegini.

### **Pewaris**

Latar belakang pendidikan ahli waris menunjukkan isu pendidikan turut menyumbang kepada pembekuan. Pengetahuan yang kurang menyebabkan mereka terhenti untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit tanpa sebarang tindakan. Berdasarkan demografi kajian menunjukkan ahli waris tidak mempunyai latarbelakang pendidikan yang baik. Mereka menyatakan mereka tidak mempunyai pengetahuan dan pendidikan yang tinggi untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah sebegini sungguhpun isu harta tanah al-Mafqud memberi kesan langsung kepada dirinya.

## **Kewangan**

Responden kajian yang terlibat menyatakan jika kes ini hendak dibawa ke mahkamah sudah tentu ia menelan belanja yang tinggi sedangkan mereka berhadapan dengan masalah kos sara hidup asas. Responden kajian menyatakan ia tidak mampu untuk mendapatkan perintah mahkamah untuk melakukan proses pecah sempadan ke atas tanah yang dimiliki secara bersama dalam satu geran hakmilik.

Menurut responden kajian yang terdiri daripada ahli waris menyatakan peguam mengenakan caj guaman yang tinggi kerana pihaknya perlu mendapat maklumat dari pelbagai pihak bagi menyokong setiap affidavit yang akan dimasukkan dalam setiap fail permohonan Saman Pemula untuk satu perintah mahkamah. Sekiranya affidavit dan fakta kes tidak kuat ia pasti menjadi sia-sia. Namun sudah tentu bayaran sebegini tidak mampu dibayar oleh pihak waris, yang sudahpun berada dalam kesempitan, dihimpit lagi dengan bayaran yang cukup tinggi oleh pihak peguam, paling rendah RM12,000.

Menurut responden kajian, sungguhpun harta tanah berada dilokasi yang strategik dan berpotensi untuk dibangunkan dan pernah ditawarkan oleh pihak pemaju untuk memajukannya sebagai pusat komersil tetapi disebabkan isu al-Mafqud tidak dapat diselesaikan maka tranasksi tidak dapat dilaksanakan dan harta terus dibekukan.

## **Sikap**

Hasil kajian mendapati bahawa sikap di kalangan ahli waris turut menyumbang kepada pembekuan harta tanah al-mafqud. Antara sikap tersebut adalah tidak mengambil peduli harta orang hilang, konflik kekeluargaan dan nilai sentimental terhadap kehilangan ahli waris.

## **Sentimen**

Dalam kajian ini kesemua ahli waris yang terlibat, ahli al-Mafqud dalam kajian ini adalah sudah melebihi 7 tahun iaitu tempoh yang sepatutnya ahli waris boleh memohon Perintah Anggapan Kematian dan terdapat kes berlanjutan sehingga 15 tahun. Dalam satu kes responden menyatakan;

*“Saya sudah cuba memujuk ibu saya supaya membenarkan adik beradik memohon mahkamah mengistiharkan kematian (Anggapan Kematian) tapi ditolak, malah ibu kami mengugut kami, dia masih beranggapan adiknya masih hidup”- Responden W4.*

## **Konflik Kekeluargaan**

Responden W2 pula berkongsi situasi yang dihadapi oleh keluarga. Perbalahan antara ahli keluarga dengan pasangan al-Mafqud telah menyebabkan isu ini menjadi rumit.

*“Ahli keluarga saya bergaduh besar dengan isterinya (al-Mafqud). Kami beranggapan beliau tidak layak untuk menerima hak-hak pusaka dari ibu al-Mafqud yang diperolehinya – Responden W2.*

Responden Kajian W2 beranggapan isteri al-Mafqud tersebut sudah tidak menjadi isterinya (isteri al-mafqud) setelah kehilangan begitu lama, dengan memberi hujah lafaz talak ketika akad nikah terpakai. Beliau berharap isu ini dapat diselesaikan dengan segera dan meminta isteri al-Mafqud menerima dengan hati terbuka.

Bagaimanapun menurut Responden kajian K1 yang mengulas isu di atas menegaskan, isteri al-Mafqud mempunyai hak ke atas harta yang dipusakai oleh pasangannya selagi pihak Mahkamah Syariah tidak memutuskan sebarang pembubaran perkahwinan atau Mahkamah Sivil

tidak mengeluarkan sebarang perintah Kematian. Pihak ahli waris lain tidak berhak membuat keputusan sendiri kerana ianya memburukkan keadaan. Isu sebegini perlu dirujuk kepada pihak berkuasa untuk diteliti dan diputuskan.

Responden kajian K2 dan K3 menyatakan isu perceraian dan pembubaran perkahwinan keluarga Islam mesti dirujuk kepada Mahkamah Syariah. Peruntukkan undang-undang jelas menyatakan bahawa selagi tiada keputusan cerai dari Mahkamah Syariah, setiap pasangan masih berhak untuk menerima harta pusaka. Responden Kajian K2, menegaskan, tuntutan harta sepencarian juga perlu dirujuk kepada Mahkamah Syariah. Beliau berpendapat, tarikh pengesahan sesuatu pembubaran itu amat penting kerana ianya mempengaruhi hak-hak yang lain berdasarkan kedudukan setiap kes.

### **Kesedaran Ahli Waris**

Terdapat juga di kalangan ahli waris tidak mengambil kisah tentang harta milik al-Mafqud. Responden menganggap isu berkaitan dengan harta tanah boleh diuruskan kemudian dan beranggapan isu pengurusan harta tanah al-Mafqud bukan perkara yang penting.

*“Sikap tidak mengambil peduli oleh ahli waris menyebabkan pembekuan harta al-Mafqud terus berlarutan. “*

Responden menyatakan, ahli waris perlu lebih pro aktif dalam mengambil langkah-langkah yang wajar. Ahli waris tidak sepatutnya memandang remeh setiap isu harta, kerana pembaziran dan tidak menjaga harta dengan baik adalah turut dilarang dalam Islam. Responden kajian daripada agensi kerajaan K2 dan K5 menjangkakan kerumitan yang lebih kompleks bakal berterusan selepas seseorang al-Mafqud tersebut telah dianggap mati oleh mahkamah. Ini mempengaruhi kedudukan ahli waris yang berhak terhadap sesuatu harta tanah al-mafqud iaitu hak perwarisan harta oleh al-Mafqud.

### **Struktur Agensi**

Sehingga kini tidak wujud agensi khusus sama ada daripada pihak berkanun dan agensi swasta yang menguruskan harta al-mafqud, kebanyakan yang wujud adalah berkaitan harta pusaka.

Menurut responden daripada agensi kerajaan berkaitan menyatakan;

*“Pihak kami tidak mempunyai kuasa khusus untuk menguruskan harta orang yang hilang, kami masih memerlukan sijil kematian pemilik asal harta yang dianggap sebagai harta pusaka untuk membolehkan kami menguruskan penyelesaian harta pusaka. Syarat kematian adalah suatu yang wajib untuk mentafsirkan sesuatu harta itu menjadi harta pusaka, sekiranya tidak, tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan oleh pihak JKPTG, walaupun menyedari ianya sudah pasti menyukarkan pihak waris. Namun, sekiranya ada perintah mahkamah yang membenarkan untuk diselesaikan, pihaknya bersedia memberi kerjasama dan bantuan. Kuasa untuk mentadbir dan mengurus boleh dilaksanakan sekiranya perintah mahkamah diperolehi. Walaupbagaimanapun banyak faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak mahkamah sebelum sebarang sijil anggapan kematian boleh dikeluarkan.”*

Situasi yang berlaku pada responden kajian W1 yang merupakan waris al-Mafqud. Adiknya telah hilang hampir 25 tahun yang lalu. Beliau telah membawa semua dokumen yang ada beserta bukti daripada pihak polis Amerika syarikat (USA) dan dokumen kedutaan pengesahan adiknya yang tidak dapat dikesan dan hilang dan kes ini dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan sijil anggapan kematian. Namun hakim memutuskan bukti yang ada adalah tidak cukup kuat untuk mengeluarkan sijil Anggapan Kematian, kerana wujudnya banyak kes

menukar identiti ketika berada di luar Negara. Hakim menasihatinya supaya memfailkan semula kes ini setelah umur adiknya mencecah 65 tahun.

#### **4.0 CABARAN DAN IMPLIKASI HARTA AL-MAFQUD**

Berdasarkan hasil kajian mendapati punca-punca pembekuan harta al-Mafqud di Malaysia disebabkan oleh kedua-dua pihak iaitu ahli waris dan pihak berwajib. Walaupun aspek perundangan dilihat sebagai faktor utama, namun masih ada ruang yang boleh digunakan oleh kedua-dua pihak dalam mengelakkan pembekuan harta tanah terus berlaku.

Hasil kajian juga menunjukkan masih ada ruang perundangan bagi mencairkan harta tanah al-mafqud iaitu melalui permohonan perintah mahkamah. Namun kesamaran dalam konteks perundangan khusus ini menjadi pertimbangan utama. Perintah mahkamah hanyalah satu peluang bagi menerangkan rasional sesuatu harta itu dicairkan dan bukan satu jaminan khas. Dalam situasi sekarang risiko konflik perundangan amat tinggi berlaku disebabkan status mafqud ini. Justeru, keperluan perundangan amat penting seperti yang telah wujud di beberapa buah Negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Ireland dan Uganda. Penerangan mengenai hukum hakam agama mengenai perkara berkaitan pengurusan dan pentadbiran harta tanah al-Mafqud ini perlu diberikan fokus oleh pihak kerajaan. Masyarakat Islam umumnya amat sensitif sekiranya sesuatu tindakan kerajaan yang bercanggah dengan hukum agama.

#### **4.1 Kesan dan Implikasi pembekuan harta Al-Mafqud Di Malaysia**

##### **4.1.1 *Pemilikan***

Isu pemilikan harta tanah telah mendominasi kesan dan implikasi terhadap pembekuan harta al-Mafqud terutama daripada perspektif ahli waris. Hal ini merupakan punca utama pembekuan harta al-Mafqud di Malaysia. Antara kesannya adalah menyukarkan tuntutan harta pusaka, menyukarkan pecah sempadan, menyukarkan pindahmilik tanah dan berlakunya pindahmilik yang dibatalkan oleh kerajaan.

##### **4.1.2 *Pusaka***

Responden kajian W1 dan W2 menyatakan kehilangan waris mereka telah membantutkan beberapa usaha untuk pembahagian harta pusaka mereka. Mereka menyatakan hal ini menimbulkan konflik dalam keluarga disebabkan waris-waris lain tidak bersetuju nama al-mafqud dimasukkan ke dalam senarai yang menerima pusaka daripada ibu mereka.

Situasi Responden kajian W1 berlaku apabila adiknya iaitu al-Mafqud telah hilang selama 9 tahun. Ibunya telah meninggal dunia selepas 5 tahun kehilangannya. Ahli keluarga berpendapat saudara mereka yang hilang tersebut sudah tidak layak. Namun setelah merujuk kepada pejabat pusaka, pihak pejabat pusaka memaklumkan, selagi tidak ada surat kematian al-Mafqud, orang hilang tetap berhak menerima pusaka ibunya. Kenyataan ini disokong oleh responden kajian daripada agensi kerajaan K3 yang menyatakan pihak pejabat pusaka, tidak boleh membuang hak seseorang daripada mewarisi harta pusaka dan sijil kematian kedua-duanya diperlukan.


Isu sijil kematian dan persetujuan pembahagian pusaka tidak dapat diselesaikan. Jumlah keluasan tanah yang ditinggalkan ibunya adalah 16 ekar. Responden kajian WI menyatakan kesemua tanah ini terbiar dan mengakui bahawa beliau dan adik beradiknya belum ada jalan keluar untuk mengatasi masalah ini.

#### 4.1.3 *Hakmilik Dibatalkan*

Isu hakmilik dibatalkan disebabkan dua perkara utama, pertamanya disebabkan harta tersebut digadaikan kepada institusi kewangan iaitu bank dan keduanya disebabkan isu percukaian. Isu yang paling banyak berlaku adalah harta dilelong oleh bank disebabkan ahli waris tidak mampu menanggung komitmen kewangan terhadap harta tanah tersebut. Polisi institusi kewangan yang semakin ketat menyebabkan ruang rundingan antara pihak bank dan ahli waris menjadi terhad. Hal ini menjadi semakin rumit apabila ahli waris tidak menyedari mafqud menggadaikan harta tanah kepada pihak institusi kewangan. Menurut responden kajian terdapat banyak kes tanah yang dirampas dan dilelong secara terbuka di mahkamah. Perlucutan hak milik adalah satu kerugian yang ketara kepada pemilik khususnya umat Islam. Menurut responden kajian banyak kes perlucutan hak milik yang melibatkan kes-kes pemilik yang tidak dapat dikesan dan atas alasan tidak membayar cukai dan apa yang menyedihkan majoritinya adalah harta milik umat Islam. Kes-kes sebegini perlu diberi perhatian dan usaha penyelesaian perlu dibuat bagi mengatasi masalah ini.

#### 4.1.4 *Pembangunan dan Ekonomi*

Pembangunan dan ekonomi Negara berkait rapat dengan harta tanah. Dari segi teori ekonomi, harta tanah merupakan salah satu asas utama dan bersifat terhad. Pembekuan harta tanah al-Mafqud sudah pasti secara langsung memberi kesan kepada pembangunan ekonomi.



Rajah 3: Implikasi Al-mafqud dalam Pembangunan Ekonomi.

#### 4.1.5 *Tunggakan Cukai Harta Pihak Berkuasa Tempatan*

Rajah 3 di atas menunjukkan cukai harta atau cukai pintu dikenakan terhadap harta yang berada di bawah kawasan pentadbiran sesuatu pihak berkuasa tempatan. Hasil cukai pintu ini sangat penting untuk pembangunan dan perkhidmatan penduduk dalam kawasan sesuatu pentadbiran. Apabila sesuatu harta dibekukan, maka cukai pintu ke atas harta tersebut tidak dapat dikutip dan ini sudah tentu merugikan semua pihak.

#### 4.1.6 *Tunggakan Zakat Harta*

Pembekuan harta al-mafqud dan pembekuan manfaat ke atas harta berkenaan sudah tentu menjejaskan kutipan dan pembayaran zakat harta.

Menurut sumber Jabatan Kehakiman syariah (JKSM) 2014 anggaran nilai harta al-Mafqud yang dibekukan adalah bernilai RM66.6 bilion. Dengan nilai tersebut, anggaran nilai zakat yang boleh dikutip dari harta berkenaan adalah RM1.665 billion. Disebabkan harta berkenaan

dibekukan maka zakat berkenaan tidak dapat dikutip. Dengan nilai zakat melebihi RM1.6 billion, banyak perkara boleh dilaksanakan untuk kemajuan umat Islam.

#### **4.1.7 *Kualiti Hidup***

Permasalahan yang wujud disebalik pembekuan harta tanah al-Mafqud juga memberi kesan kepada kualiti hidup terutama kepada pihak waris. Hal ini berlaku kerana pihak waris bergantung hidup kepada al-Mafqud dan ini memberi kesan langsung kepada kehidupan seharian.

#### **4.1.8 *Hal Ehwal kebajikan Waris***

Kesan psikologi terjadi terutama kepada ahli waris al-Mafqud terutama yang paling rapat seperti ibu bapa dan pasangan. Kesan ini bukan sahaja melibatkan soal penerimaan ahli waris terhadap kehilangan seseorang al-Mafqud tetapi juga dari aspek keperitan akibat kebergantungan hidup terhadap al-Mafqud dalam kehidupan ahli waris. Responden menyatakan mereka turut bergantung kepada sumber kewangan daripada al-mafqud.

#### **4.1.9 *Hutang Milik al-Mafqud***

Hutang piutang yang ditinggalkan oleh al-Mafqud merupakan satu bentuk bebanan yang besar yang mana bebanan ini berpindah kepada ahli waris. Disebabkan status al-Mafqud yang tidak pasti, samada hidup atau mati menyebabkan hutang-hutang yang berinsuran seperti pinjaman perumahan, kenderaan dan pinjaman peribadi tidak layak mendapat perlindungan insuran. Hal ini lebih meruncing sekiranya ahli waris tersebut menduduki sesuatu harta yang masih lagi berstatus gadaian pada pihak institusi kewangan.

#### **4.1.10 *Pengurusan harta tanah dan Susut nilai***

Permasalahan yang wujud disebalik pembekuan harta tanah al-Mafqud juga memberi kesan kepada isu pengurusan dan penyelenggaraan harta tanah milik al-Mafqud. Penyelenggaraan adalah proses yang dijalankan bagi mencegah kerosakan dan membaikpulih kerosakan bangunan. Kajian menunjukkan harta tanah al-Mafqud yang tidak diketahui status pemiliknya samada hidup atau mati, hartanya terbiar, tidak terjaga dan akhirnya nilainya semakin susut.

### **4.2 *Strategi Penyelesaian Harta Al-Mafqud***

Sebagaimana perbincangan di atas, pembekuan harta al-mafqud merupakan pembaziran sumber dan harta al-mafqud merupakan sumber khazanah kekayaan terbesar umat Islam yang terbiar dan tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Seperti dijelaskan pembekuan harta al-Mafqud menyumbang kepada:

- Pembekuan pemilikan
- Pembatalan hakmilik
- Pembantuan pembangunan
- Tunggakan cukai
- Tunggakan zakat harta
- Penyusutan nilai harta
- Manfaat terhalang
- Pembaziran sumber



Nilai harta al-Mafqud yang dianggarkan RM66.6 bilion dengan lebih satu juta hakmilik dan wang tunai dianggarkan melebihi RM6 bilion tidak boleh dibiarkan beku begitu sahaja.

### Strategi 1: Pemerksaan Perundangan



Rajah 4 : Strategi melalui Perundangan

Rajah 4 menunjukkan strategi melalui pemerksaan perundangan. Ketiadaan peruntukan undang-undang sedia ada telah menjadi penghalang utama kepada pengurusan dan pentadbiran penyelesaian harta tanah al-Mafqud. Peruntukan perundangan yang perlu digubal perlu mengambilkira kepentingan Negara secara keseluruhannya, orang yang berkepentingan ke atas al-Mafqud dan para waris bagi memastikan ianya memberi manfaat yang semaksimum mungkin.

Dalam aspek perundangan, isu perundangan utama tentang al-Mafqud adalah perlunya pemerksaan undang-undang syariah atau penyelarasan perundangan sivil dan syariah perlu dilaksanakan agar tidak menjadi penghalang kepada penyelesaian harta al-Mafqud. Isu perbezaan yang timbul adalah tempoh anggapan kematian yang berbeza iaitu syariah 4 tahun dan sivil 7 tahun.

Perundangan semasa juga hanya mengiktiraf Mahkamah Tinggi (Perundangan Sivil) sahaja boleh mengeluarkan sijil Anggapan Kematian bagi penyelesaian harta al-Mafqud. Bagi tujuan ini peruntukkan undang-undang syariah seharusnya diperksa untuk membolehkan Sijil Anggapan kematian boleh dikeluarkan khususnya bagi proses penyelesaian harta al-Mafqud umat Islam kerana ia berkait rapat dengan pembahagian harta pusaka umat Islam secara Faraid.

Responden Kajian dari agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan al-Mafqud turut menyuarakan cadangan agar pindaan harus dilakukan terhadap tempoh menunggu bagi seseorang al-Mafqud dianggap mati. Dalam akta sivil sedia ada iaitu akta Keterangan 1950 menetapkan tempoh 7 tahun harus disemak semula dan mencadangkan agar tempoh 4 tahun sebagaimana undang-undang Syariah sudah memadai.

Aspek lain adalah tentang pihak pemerintah dalam usaha mengambil alih harta yang dibekukan perlu mengambilkira kedua dua undang tersebut. Turut perlu terlibat dalam

menggubal undang-undang baru untuk al-Mafqud adalah agensi-agensi kerajaan berkaitan. Kerjasama daripada agensi berkaitan amat penting pada peringkat ini kerana ia menjadi platform asas untuk tindakan seterusnya. Pihak responden sebulat suara mengakui bahawa satu keperluan utama adalah untuk pihak berwajib menggubal undang-undang khusus untuk mengurus dan mentadbir harta al-Mafqud. Ini kerana ianya menimbulkan kesukaran berpanjangan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan al-Mafqud yang berada dalam ketidakpastian samada masih hidup atau telah meninggal dunia. Walaubagaimanapun undang-undang yang baru ini tidak boleh bertindih dengan peruntukan sedia ada, dan ianya hendaklah merangkumi kerangka jangka pendek dan jangka panjang. Dalam hal ini kita tidak boleh terburu-buru dalam menyelesaikan isu ini.

Responden kajian turut mengakui peruntukan sedia ada adalah terhad bagi pihak ahli waris atau pihak berkepentingan, untuk mengambil alih, melindungi, dan mengurus segala hal ehwal milik al-Mafqud. Penggubalan undang-undang baru sudah tentu menjadi mekanisme yang paling berkesan untuk melindungi harta dan hal ehwal al-Mafqud.

Adalah dicadangkan supaya contoh-contoh perundangan yang wujud di beberapa buah Negara boleh dijadikan panduan. Malaysia tidak harus ketinggalan dalam penggubalan undang-undang khas tentang pengurusan dan pentadbiran harta orang hilang. Namun undang-undang tersebut perlu disesuaikan dengan dengan keadaan sosiopolitik dan demografik Malaysia yang unik.


Penggubalan undang-undang baru ini juga tidak boleh meminggirkan hak-hak waris. Sudah sampai masanya perundangan Syariah mengisi kekurangan dan mengambil alih kekosongan ini bagi mendepani penyelesaian isu pengurusan dan pentadbiran harta al-Mafqud khususnya yang melibatkan kepentingan umat Islam yang mana turut berkait dengan pembahagian harta pusaka secara faraid bagi ahli waris dan pengesahan nasab.

Menurut responden kajian kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia dari aspek menjatuhkan hukuman, adalah lebih rendah daripada mahkamah- mahkamah daerah (majistret). Ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah pada masa ini adalah hanya berfungsi sebagai mahkamah keluarga semata mata.

Responden Kajian turut mencadangkan agar surat Anggapan Kematian boleh dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah berpuas hati selepas seseorang al-Mafqud 4 tahun dilaporkan hilang diterima pakai bagi urusan harta pusaka, tanpa memerlukan surat anggapan kematian yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi (Sivil). Ini memudahkan ahli waris dan pihak agensi melaksanakan pengurusan harta-harta tersebut di samping dapat mengurangkan bilangan harta tanah yang dibekukan yang hakmiliknya lebih 1 juta hakmilik (Amanah Raya Berhad, 2014).

### **Pembentukan Lembaga Pemegang Amanah Harta Al-Mafqud**

Satu badan berbentuk Lembaga Pemegang Amanah bagi harta al-Mafqud di peringkat nasional perlu diwujudkan. Ini bertujuan memantau status, peranan dan tugas agensi pelaksana bagi harta dan hal ehwal orang hilang di perkasakan. Kewujudan Lembaga Pemegang Amanah ini bertujuan agar harta al-Mafqud diurusadbir dengan penuh amanah dan berintegriti. Rajah 5 merupakan strategi penubuhan Suruhanjaya Pemegang Amanah.



Pelantikan ahli Lembaga Pemegang Amanah ini perlu mengambil keperluan dan matlamat Lembaga sebelum apa-apa pelantikan dibuat. Ini membolehkan sebarang pelantikan diteliti untuk membantu mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa oleh Pemegang Amanah.

Konsep pemegang amanah secara individu tidak akan memberi impak yang besar. Oleh itu cadangan Pemegang amanah berbentuk insititusi yang diwujudkan oleh pihak kerajaan perlu diwujudkan. Kesannya lebih signifikan kepada pembangunan ekonomi dan ianya memudahkan kedua-dua pihak iaitu pihak waris dan pihak kerajaan.

Sekiranya satu institusi pemegang amanah dibentuk, kesan yang lebih besar dan menyeluruh kepada Negara, agama, masyarakat dan ahli waris. Cadangan pembentukan institusi Pemegang Amanah, membolehkan kawalan dalam bentuk perundangan dan pentadbiran dapat diselaraskan. Institusi Pemegang Amanah ini harus merangkumi wakil dari setiap negeri terutamanya perlu mengambilkira tanah terletak di bawah senarai kerajaan negeri.

Piawaian yang tinggi perlu dikenakan ke atas Pemegang Amanah dan Ahli lembaga Pemegang Amanah mesti mahir dalam bidang perundangan tertentu, ahli agama dan ahli akademik. Penglibatan ahli politik harus dielakkan bagi menjaga integriti Lembaga Pemegang Amanah yang bakal ditubuhkan kelak.

Sebagai sebuah Negara dimana Islam sebagai agama persekutuan, kuasa Lembaga Pemegang Amanah hendaklah diletakkan di bawah Majlis Raja-Raja. Ini bersesuaian dengan situasi masakini dimana Institusi agama berada di bawah naungan sultan.

Tugas utama Lembaga Pemegang Amanah adalah bagi memastikan kebajikan ahli waris dan pihak berkepentingn harus dijaga, hak-hak orang yang hilang perlu diutamakan. Pihak lembaga

harus juga memastikan hak dan perlindungan hak setiap orang yang hilang itu untuk pulang kembali tetap ada walaupun pada hakikat kepulangannya adalah amat tipis.

### Penubuhan Agensi Pelaksana Khas dan Pemerksaan Agensi Berkaitan

Penubuhan agensi pelaksana bagi melaksanakan tanggungjawab secara pengurusan dan perniagaan yang diamanahkan oleh lembaga Pemegang Amanah. Secara prinsipnya responden mencadangkan agar agensi ini dikawalselia oleh Lembaga Pemegang Amanah.

Satu entiti baru perlu diwujudkan seperti dalam Rajah 6. Penubuhan agensi baru ini lebih memudahkan pihak ahli waris berurusan untuk menyelesaikan isu harta al-Mafqud. Penubuhan entiti baru lebih sesuai berbanding penambahan skop tugas terhadap agensi sedia ada seperti ARB. Ini bertujuan mengelakkan lambakan dan bebanan tugas yang merumitkan keadaan kepada kes kes pusaka sedia ada.



Peranan agensi baru adalah memberi fokus kepada pengurusan harta al-Mafqud dalam aspek memperkembangkan potensi penjana pendapatan daripada harta tanah al-Mafqud. Ini penting bagi mengelakkan pembaziran sepertimana yang ditegah dalam Islam. Agensi ini perlu menjadi agensi korporat yang berorientasikan perniagaan yang patuh syariah dengan pengurusan yang lebih sistematik. Perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang perlu dibuat oleh agensi yang di bentuk bagi menjamin hak hak pihak yang berkepentingan sebagai agensi pelaksana amanah, sebarang bentuk perniagaan dan pengurusan harus dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti.

Agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) perlu bekerjasama rapat dengan agensi ini. Pihak PDRM bertanggungjawab sebagai agensi yang menyediakan laporan lengkap mengenai status al-Mafqud. JPN pula perlu menyediakan data terkini dan harus bekerjasama rapat dengan pihak PDRM dalam menyediakan data lengkap mengenai orang hilang. Manakala JKJ memainkan peranan dalam memastikan kebajikan para pewaris sentiasa dipantau dan dibantu agar tidak wujud masalah sosial yang lain.

## **5.0 PENYELESAIAN HARTA AL-MAFQUD MELALUI INSTRUMEN WAKAF**

Harta milik Al-Mafqud akan dibekukan dan manfaat ke atasnya turut ditahan selagi status al-Mafqud tidak dapat dipastikan samada masih hidup atau telah meninggal dunia.

Bagaimanapun dalam keadaan biasa prasyarat harta yang hendak diwakafkan perlu memenuhi ciri-ciri berikut:

- Harta yang halal
- Ditentukan secara jelas (ta'yin)
- Milik Penuh pewakaf
- Boleh dipindahmilik
- Manfaat secara berterusan

Salah satu ciri harta yang hendak diwakafkan adalah jelas pemilikanya. Maka tanah yang tidak jelas statusnya disebabkan tidak dapat diselesaikan kerana pemilikanya al-Mafqud, setelah tempoh tertentu maka dicadang diambil alih dan ditadbir urus oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pentadbir Tanah bagi Pihak Berkuasa Negeri setelah berpuas hati boleh menerusi peruntukkan di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara 1965 (Pindaan 2016) boleh membuat perlucutan hak ke atas mana-mana tanah bermilik yang tidak membuat bayaran jumlah wang yang dituntut seperti bayaran hasil tanah dan sebagainya.

Sebahagian besar tanah milik al-mafqud adalah terbiar dan tidak dibayar hasil, bagi manfaat mencairkan harta al-Mafqud, Pentadbir Tanah boleh menggunakan peruntukkan di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara 1965 melalui pengeluaran Notis di bawah Seksyen 6A dan selepas melalui proses tertentu.

Melalui cara ini harta al-Mafqud yang tidak dapat diselesaikan kerana tidak mendapat sijil anggapan kematian selepas tempoh tertentu maka harta al-Mafqud tersebut hendaklah kembali kepada pihak berkuasa dan ia hendaklah ditadbir dan diurus oleh Agensi Khas yang ditubuhkan. Agensi ini dipantau oleh Lembaga Pemegang Amanah Al-Mafqud yang dicadang ditubuhkan.

Sebagaimana sifat harta benda di atas muka bumi ini bukanlah milik mutlak penama yang berdaftar. Setiap insan hanya bersifat pemegang amanah yang bersifat pemilikan sementara. Oleh yang demikian apabila harta al-Mafqud tidak dapat diselesaikan kerana pemilikanya Mafqud, maka adalah wajar harta itu kembali kepada pemilik sebenar iaitu Allah SWT.

Pengembalian harta al-Mafqud tersebut kepada Allah SWT bersamaan dengan konsep wakaf di mana wakaf merupakan satu ibadah penyerahan harta hakmilik seseorang kepada Allah SWT dengan niat untuk mendekati diri kepada Allah swt, dan harta berkenaan menjadi hak milik Allah swt. Harta yang diwakafkan itu sudah tentu bertujuan untuk kebajikan umat Islam dan manfaat orang ramai. Mewakafkan harta al-Mafqud ini merupakan satu proses penyelesaian yang dapat memakmurkan harta yang dibekukan itu dan dapat memanfaatkan harta yang terbiar akibat tiada jalan penyelesaian.

Cadangan penyelesaian harta al-Mafqud melalui konsep wakaf juga diharap memenuhi salah satu tuntutan daripada lima (5) Maqasid syariah iaitu Hifz Al-Mal iaitu penjagaan ke atas harta

umat Islam agar ia dapat memberi manfaat kepada Negara, pihak berkepentingan, si Mafqud, para waris dan masyarakat keseluruhannya.

Si Mafqud juga akan mendapat manfaat yang berpanjangan dan pahala yang berterusan hasil pengurusan ke atas Hifz Mal yang bijaksana melalui konsep wakaf biarpun si Mafqud telah meninggal dunia.

## **6.0 RUMUSAN**

Perbincangan di atas banyak menyentuh tentang al-Mafqud untuk memberi kefahaman yang jelas tentang implikasi undang-undang dan implikasi harta al-Mafqud terhadap pemilikan dan pembangunan ekonomi. Setelah kupasan yang panjang lebar tentang al-Mafqud maka cadangan penyelesaian melalui konsep wakaf dikemukakan untuk memberi jalan penyelesaian bagi memanfaatkan harta al-mafqud dengan penubuhan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Al-Mafqud dan Agensi Pelaksana Pengurusan Harta al-Mafqud. Semoga cadangan ini mendapat perhatian daripada pihak-pihak yang berwajib.

## **Rujukan**

- Abu al-Abbas, Ahmad bin Muhammad (1985). Ghamzu ‘Uyun al-Basa’ir fi Sharhi al-Ashbah wa al-Naza’ir, Darul Kutub ‘Ilmiyyah, cetakan 1
- Al-Shabuni M.A (1996). “Pembahagian Harta Kepada Waris Menurut Islam’. Percetakan Sooriya, Kuala Lumpur.
- Al-Zuhailiy, Wahbah. (1985). Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Akta Keterangan 1950 (semakan 1971) Seksyen 108.
- Berita Metro Online bertarikh 17 Mei 2014
- JAKIM (2015). Kompilasi Pandangan Hukum- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), 2014.
- Muhammad Azwan Sulaiman. Unpublished PhD Thesis, Pembangunan Kerangka Strategi Dalam Penyelesaian Harta al-Mafqud di Malaysia. Universiti Tun Hussein onn Malaysia.
- Mustafa Al-Khan (2005). Kitab Fikah Mazhab Shafie. Diterjemah oleh Ridzuan Awang. Pustaka Salam, Prospekta Printers Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Ibnu Al-Manzur (1994), Lisan al-Arab’. 20 Vol. 1 edition, Kaherah, AlMatbaiah al-Airiyyah.
- Ibrahim Lembut (2013), Problematika Harta al-Mafqud menurut perspektif perundangan syariah di Malaysia. Unpublished PhD tesis. Universitas Islam Negeri Pekan Baru, Indonesia.
- Kamus Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ke Empat (2012).
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957, Perkara 21.
- Polis Di Raja Malaysia (2012) Laporan Orang Hilang di Malaysia. (Salinan Rahsia).
- Polis Di Raja Malaysia (2016) Laporan Sulit Statistik Orang Hilang Di Malaysia 2010-2015.
- Toha, Muhammad Abu Al-Ula Khalifah (2005). Ahkam al-Mawarith Dirasah Tatbiqiyah.



Sadek Mohamaed Sami (2008). *The Legal Impacts of Missing Persons – A Comparative Study between Islamic Jurisprudence & Egyptian Law*. Cairo University.